

USIM: Hadiah menarik menanti pengunjung

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang akan berlangsung pada 28 November hingga 1 Disember ini bakal menyajikan pelbagai aktiviti dan hadiah menarik kepada para pengunjung.

Antara aktiviti yang akan diadakan adalah pertandingan memancing terbuka, cabaran 'mini explorace' dan pertandingan mewarna.

Pengurus Kanan Penge-daran, Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli berkata, pertandingan memancing terbuka yang akan diadakan di tasik USIM pada 1 Disember ini menawarkan hadiah lumayan kepada pemenang.

Katanya, johan pertandingan akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM3,000, tempat kedua (RM2,000), ketiga (RM1,500), keempat (RM500) dan hamper kepada pemenang tempat kelima hingga ke-20.

"Bukan itu sahaja, kemeja T istimewa USIM juga akan diberi kepada 200 peserta terawal yang mendaftar dalam pertandingan tersebut dengan yuran pendaftaran sebanyak RM30," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Rosman, cabaran 'mini explorace' yang akan berlangsung pada 30 November ini pula menawarkan hadiah wang wang tunai berjumlah RM1,000 kepada johan, naib johan (RM700) dan tempat ketiga (RM500).

Bagi pertandingan mewarna pula, katanya, terbahagi kepada tiga kategori iaitu prasekolah, tahap satu (tahun satu hingga tiga) dan tahap dua (tahun empat hingga enam).

"Pertandingan tersebut akan diadakan pukul 10 pagi pada 1 Disember ini di tapak pesta konvokesyen USIM dengan yuran penyertaan hanya RM3," katanya.